



KASIM MANSUR

# Menggerak Potensi dan Memperkasa Ekonomi Ummah: Strategi ke Arah Pembangunan Ummah yang Gemilang

**ABSTRAKSI:** Tidak dinafikan bahawa umat Islam mempunyai banyak potensi ke arah memperkasa ekonomi ummah. Umat Islam dan negara-negara Islam dianugerah oleh Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala) dengan kekayaan sumber-sumber asli yang banyak. Dari segi bilangan penduduk umat Islam yang mencecah 1.8 billion merupakan suatu sumber kekuatan kepada pengerak ekonomi ummah. Justeru itu, pembangunan modal insan dilihat sebagai strategi jangka panjang yang mapan, berdaya tahan, dan berdaya saing. Islam itu sendiri merupakan cara hidup yang lengkap dan komprehensif. Manakala sistem ekonomi Islam merupakan suatu alternatif kepada umat Islam dan negara-negara Islam sebagai asas dan dasar yang perlu dilaksanakan. Pemantapan jaringan tempatan serta penerokaan dalam pasaran global merupakan agenda yang diberi keutamaan. Sistem ekonomi Islam seharusnya diperluaskan pelaksanaannya, bukan sekadar untuk menjadi pelengkap kepada sistem ekonomi konvensional. Realiti ekonomi global yang wujud cukup untuk menjelaskan beberapa kelemahan yang terdapat dalam sistem ekonomi tersebut. Keadaan ini pastinya berbeza sekiranya dunia globalisasi pada hari ini didominasi oleh sistem ekonomi Islam. Sistem ekonomi Islam lebih cenderung kepada keadilan dan kesaksamaan. Pilihan ekonomi dunia, khususnya ekonomi bagi negara-negara Islam, akan menjadi lebih progresif jika pendekatan kaedah ekonomi Islam dilaksanakan.

**KATA KUNCI:** Umat Islam, sistem ekonomi Islam, ekonomi global, keadilan, dan kesaksamaan.

**ABSTRACT:** "Empowering the Potential and Economy of Islamic Society: The Strategy towards Developing a Glorious Islamic Society". There is no denying that Muslims have a lot of potential in the economic empowerment of the Islamic society. Muslims and Islamic countries are awarded by Allah SWT (Almighty God) with a wealth of natural resources. The number of Muslim population reaching 1.8 billion is a source of strength to empowering the economy of Islamic society. Hence, the development of human capital is seen as a long-term strategy of sustainability, resilience, and competitiveness. Islam itself is a way of life that is complete and comprehensive. The Islamic economic system is an alternative to the Muslims and Islamic countries, and the basis and foundation that should be implemented. Strengthening local networks and venturing into global markets is a priority agenda. Islamic economic system should be extended implementation, not just a complement to conventional economic system. Global economic realities that exist serve only to explain that there are some weaknesses in the economic system. This situation would be different if today's globalized world were dominated by the Islamic economic system. The Islamic economic system is more inclined to justice and equality. The choice of the world economy, especially the economies of Islamic countries, will become more progressive if the approach of the Islamic economic measures are implemented.

**KEY WORD:** Islamic society, Islamic economic system, global economic, justice, and equality.

**About the Author:** Prof. Datuk Kasim Mansur, Ph.D. ialah Pensyarah di Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Perakaunan UMS (Universiti Malaysia Sabah), Jalan UMS, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Alamat emel penulis: [kmansur@ums.edu.my](mailto:kmansur@ums.edu.my)

**How to cite this article?** Mansur, Kasim. (2016). "Menggerak Potensi dan Memperkasa Ekonomi Ummah: Strategi ke Arah Pembangunan Ummah yang Gemilang" in *MIMBAR PENDIDIKAN: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, Vol.1(1) Maret, pp.25-36. Bandung, Indonesia: UPI Press.

**Chronicle of the article:** Accepted (February 3, 2016); Revised (February 13, 2016); and Published (March 11, 2016).

## PENDAHULUAN

Islam dan ajarannya membawa makna yang komprehensif (*syumul*) dalam kehidupan manusia. Kehidupan manusia yang dimaksudkan mencakupi ruang lingkup, bukan sahaja kehidupan di dunia tetapi juga kehidupan di hari akhirat. Agama Islam berpegang kepada prinsip bahawa kehidupan di dunia ini adalah berbentuk sementara. Kehidupan yang abadi ialah kehidupan selepas manusia mengakhiri hayat kehidupan di dunia ini untuk menuju kehidupan di akhirat yang kekal abadi buat selamanya (*cf* Bammate, 1962; dan Meglio, 1970). Ajaran Islam tidak hanya tertumpu kepada aspek keagamaan semata-mata, tetapi peranannya meliputi keseluruhan aspek kehidupan peradaban manusia (Al-Atas, 1963 dan 1970). Panduan yang digariskan dalam Islam sentiasa relevan ke arah menyumbang meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi dan politik ummah dalam semua keadaan, masa, dan tempat.

Agama Islam, yang memang telah sempurna kewujudannya, bukan sahaja membantu dalam konteks pembinaan tamadun, malah memandu ummatnya memperkasa diri dan ummah sejagat. Justeru itu, umat Islam adalah pewaris masyarakat kelas pertama, sebagaimana Nabi Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) pernah melahirkan generasi *Al-Qur'an* yang cemerlang, gemilang, dan terbilang. Generasi yang pernah dibentuk oleh Rasulullah SAW, semasa hayat Baginda, merupakan generasi yang unik yang pernah dibangunkan dalam sejarah peradaban Islam (Qutub, 2006).

Justeru itu, Islam sendiri menawarkan banyak strategi sebagai modal kepada pemerikasaan ummah dalam semua aspek. Islam itu sendiri menyediakan pelbagai pendekatan penyelesaian kepada sebarang permasalahan. Seharusnya umat Islam terkedepan dalam semua hal, yang boleh membawa ummah ke mercu kecemerlangan.

Hari ini, daripada 7 billion penduduk

dunia, 1.8 bilion adalah penduduk yang beragama Islam, yang juga dikenali sebagai *ummah*. Umat Islam tertumpu di benua Asia, terutamanya di bahagian Barat, Tengah, dan Timur Asia. Umat Islam juga tertumpu di benua Afrika, terutamanya di bahagian Utara dan Barat Afrika. Kadar pertumbuhan penduduk Islam semakin meningkat di benua-benua lain, terutamanya di Eropah, Amerika Selatan, dan Amerika Utara, termasuk Kanada.

Memang, tidak dinafikan bahawa situasi umat Islam pada hari ini berada pada situasi dan masa yang amat mencabar. Bukan sahaja umat Islam dilabel sebagai pengganas (*terrorist*), tetapi agama Islam juga dikaitkan dengan keganasan dan kekejaman, seperti ancaman ISIS (*Islamic State of Iraq and Syria*), yang ketika ini mengancam keselamatan dan kestabilan dunia keseluruhannya.

Negara dan umat Islam juga secara relatifnya lemah dari segi ekonomi, walaupun mempunyai kekayaan sumber alam seperti minyak dan sumber asli yang banyak. Negara-negara Islam amat bertuah kerana pemilikan kekayaan dari segi sumber asli dunia tertumpu di negara-negara Islam. Lebih kurang 70 peratus sumber tenaga minyak dunia dimiliki oleh negara-negara umat Islam.

## STRATEGI PEMBANGUNAN UMMAH YANG GEMILANG: PERSIAPAN MENDEPANI CABARAN BARU EKONOMI DUNIA

Era globalisasi hari ini bukan hanya menawarkan banyak peluang, tetapi juga mengundang banyak ancaman dan cabaran. Pada umumnya, ekonomi global tanpa sempadan pada ketika ini berteraskan kepada teknologi dan K (*Knowledge*)-ekonomi. Pendekatan dan penggunaan teknologi dan K-ekonomi oleh mana-mana negara di dunia, hari ini, memberi satu menifestasi baru ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya saing. Dalam hal ini, kaedah dan pendekatan teknologi dan K-ekonomi

merupakan salah satu strategi ke arah memperkasa pembangunan ummah yang gemilang.

Selain daripada mempersiapkan ummah mendepani ekonomi global yang berteraskan pengetahuan, satu strategi pembangunan ummah yang lebih mapan dan berdaya saing ialah pemantapan dan pelaksanaan sistem ekonomi yang berteraskan kepada Islam. Sistem ekonomi yang berteraskan Islam termasuklah perbankan Islam, pajak gadaai Islam, sistem Takaful, perburuhan Islam, dan lain-lain.

Dua strategi yang dimaksudkan ini lebih bersifat makro, manakala strategi yang ketiga lebih bersifat mikro, iaitu pembangunan modal insan sebagai keutamaan yang perlu diberikan penekanan utama. Sebelum membincangkan lebih jauh tentang strategi pembangunan ummah, yang disebutkan tadi, adalah penting untuk memahami apakah yang dimaksudkan dengan K-ekonomi dan perbincangan selanjutnya mengupas lebih terperinci tentang strategi yang kedua, iaitu pemantapan dan pelaksanaan sistem ekonomi Islam. Pembangunan modal insan akan dikupas di akhir penulisan ini.

**K-Ekonomi.** Ada pelbagai definisi diberi oleh beberapa pengkaji tentang *knowledge*, salah satu daripada definisi yang dianggap menarik adalah seperti yang diberi oleh Arvind Malhotra *et al.* (2001). Menurut beliau, “*Knowledge is interpreted in terms of the potential for action and is distinguished from information in terms of its more immediate link with performance*” (Malhotra *et al.*, 2001). Definisi yang lebih komprehensif, seperti yang diberi oleh Thomas H. Davenport & Laurence Prusak (1998), seperti berikut:

*Knowledge is a fluid mix of frame experiences, values, contextual information, and expert insight that provides a framework for evaluating and incorporating new experiences and information. It originates and is applied in the minds of the knowers. In organizations, it often becomes embedded not only in document*

*or repositories, but also in organizational routines, processes, practices, and norms*” (Davenport & Prusak, 1998).

Manakala K-ekonomi didefinisikan sebagai “*the art of creating value from an organization’s intangible assets*” (Sveiby, 1999). Daripada beberapa definisi di atas, kecemerlangan pertumbuhan ekonomi suatu negara bergantung kepada ilmu pengetahuan. Penguasaan ilmu pengetahuan membolehkan sesebuah organisasi atau negara mengalami anjakan yang positif dan mengubah keadaan ekonomi kepada yang mampan dan stabil.

Berbeza dengan pendekatan ekonomi tradisional, yang berasaskan pengeluaran dan produktiviti. Dalam ekonomi tradisional, kekayaan sumber asli berkait rapat dengan pengeluaran dan produktiviti. Dalam konteks K-ekonomi, pemilikan sumber-sumber belum cukup untuk menjadikan ekonomi sesuatu negara tersebut keterdepan dan berdaya saing. Ekonomi yang berteraskan kepada pengetahuan menjadi suatu kemestian bagi merealisasikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kompetitif (Mansur, 2003). Mana-mana negara yang mengalami ledakan dan serapan ilmu pengetahuan berupaya mengangkat martabat negara daripada kemelut kelembapan ekonomi kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

K-ekonomi memiliki keistimewaan dan kekuatan yang tersendiri. Menifistasi kepada pengukuhan ilmu (*knowledge*) bukanlah pendekatan baru, malah telah diwarisi sejak risalah Islam mula diutus kepada Rasulullah SAW (*Salallahu ‘Alaihi Wassalam*) melalui malaikat Jibril. Sepertimana dalam *Al-Qur’an*, surah *Al-Alaq*, ayat 1-2, yang bermaksud:

*Bacalah (ya Muhammad) dengan nama Tuhanmu, yang telah menciptakan manusia daripada segumpal darah [...] (dalam Pustaka Antara, 1979; dan Yunus, 1979).*

Di awal penyebaran Islam, menuntut ilmu pengetahuan telah dibudayakan dalam semua aspek kehidupan. Tidak dinafikan bahawa

sejarah perkembangan syiar Islam juga bertunjangan kepada kemantapan ilmu para da'ie (cf Groeneveldt, 1960; Al-Atas, 1963; Meglio, 1970; dan Majul, 1989).

Negara-negara Islam, khususnya, memerlukan kesatuan yang padu mendepani suasana ekonomi global yang tidak menentu, yang pada ketika ini ekonomi dunia sedang berdepan dengan krisis kewangan global. Tibalah masanya umat Islam dan negara-negara Islam kembali melaksanakan sistem ekonomi yang berlandaskan Islam. Sistem ekonomi Islam mengandungi cara untuk menjamin kebajikan ekonomi khususnya, dan kebajikan manusia amnya. Pelaksanaan sistem ekonomi Islam adalah pilihan yang terbaik sebagai penggerak potensi dan memperkasa ekonomi ummah.

Kerana sistem ekonomi ini bersifat universal dan lengkap, berdasarkan sumber hukum Islam yang utama, iaitu *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah*. Perkataan "Islam" itu sendiri membawa maksud "cara hidup" atau *ad-dien*. Jika dilihat dari sudut pandangan Islam dan pemilikan harta, Islam tidak terlalu bersifat metarialistik dan tidak terlalu zuhud. Ini kerana Islam adalah satu agama yang mengamalkan kesederhanaan. Fungsi utama Islam adalah untuk memandu pembangunan manusia supaya mengikut landasan serta arah yang betul, dimana ia turut menyentuh konsep pembangunan ekonomi.

Larangan riba' adalah salah satu asas yang penting dalam sistem ekonomi Islam. Larangan ini merupakan rukun dalam ekonomi Islam dan menjadi dasar kepada sistem urus-niaga dan segala bentuk aktiviti ekonomi dalam Islam. Allah mengharamkan riba', kerana amalan itu boleh menghakis dan memusnahkan kemurnian hidup manusia itu sendiri.

Amalan riba' boleh membentuk sifat-sifat hina, seperti bakhil, sombong, dengki, cinta kepada dunia, takut kepada mati, pentingkan diri sendiri, dan sifat-sifat keji yang lain. Amalan riba' bukan saja ditolak oleh Islam, malah agama-agama lain seperti agama

Masehi dan agama Yahudi, juga melihat riba' sesuatu yang jijik. Selain itu, ahli-ahli penyembah berhala di zaman sebelum Islam dari bangsa Arab Jahiliah turut memandang riba' sebagai sistem yang tidak berperikemanusiaan (Hitti, 1950).

Riba' boleh dianggap sebagai satu-satunya jalan mudah bagi pemodal untuk mengumpulkan harta. Ekonomi Islam melihat pengamal riba telah melakukan kezaliman dalam ekonomi, penyelewengan ke atas dana kewangan, dan mengaut keuntungan dengan cara yang tidak bermoral. Manusia yang mengamalkan riba', sebenarnya tidak mempunyai sifat ikhlas diatas hubungan yang terjalin diantara dirinya dengan individu yang lain. Setiap pinjaman yang mereka hulurkan dikenakan bayaran faedah. Perbuatan ini boleh merenggangkan hubungan antara sesama manusia. Malah sifat-sifat ini boleh mendorong kepada perbuatan kejam, tidak bertimbang rasa, dan tidak berperikemanusiaan. Islam bukan sahaja menganggap riba' sebagai satu kemungkaran, tetapi turut menganggapnya sebagai satu perbuatan jenayah dalam ekonomi.

Terdapat banyak kebaikan di sebalik pengharaman riba' dalam sistem ekonomi Islam. Antaranya ialah pengharaman riba' dapat mengelakan permusuhan di kalangan individu, mengelakan penindasan terhadap golongan miskin, mengelakan ketidaksamaan dalam agihan kekayaan, dan mengelakan lambakan hutang. Di samping itu, pengharaman riba' juga secara tidak langsung dapat menjaga kebajikan masyarakat dan mewujudkan suasana yang harmonis ke arah pembangunan. Lantaran itu, pelaksanaan sistem ekonomi Islam akan menuju ke arah kesejahteraan, manakala pelaksanaan sistem ekonomi berasaskan riba akan membawa kepada kehancuran (Mansur, Aziz & Ramli, 2005).

## **PEMANTAPAN EKONOMI ISLAM SEBAGAI ALTERNATIF**

Pemantapan dan pelaksanaan ekonomi Islam sebagai alternatif kepada sistem

ekonomi konvensional juga merupakan satu lagi strategi ke arah memperkasa pembangunan ummah yang gemilang. Kini suda tiba masanya umat Islam terus mengetengahkan sistem ekonomi Islam sebagai pengganti atau alat untuk mengatasi kelemahan ekonomi konvensional, yang jelas mempunyai unsur negatif seperti riba, penipuan, penindasan, dan ketidakadilan.

Krisis kewangan global, yang melanda ekonomi dunia hari ini, menunjukkan bahawa sistem kewangan konvensional masih rapuh dan terdedah dengan banyak kepincangan. Keadaan ini bertepatan dengan isu ekonomi Islam masa kini, yang semakin hebat dibahaskan oleh pelbagai pihak. Di Malaysia, misalnya, kebanyakan masyarakat pada hari ini semakin banyak didedahkan dengan pengetahuan yang berkaitan dengan pelaksanaan ekonomi Islam.

Kini, sistem ekonomi Islam tidak lagi dipandang oleh masyarakat yang bukan Islam sebagai ekonomi khusus untuk orang Islam sahaja. Masyarakat juga telah dapat menilai dan membezakan di antara sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi konvensional.

Bagi membantu mengukuh dan mempromosikan ekonomi Islam, kita juga perlu membuat perbandingan yang jelas antara sistem ekonomi Islam dengan ekonomi konvensional. Ini adalah dengan mengetengahkan kelebihan-kelebihan sistem ekonomi Islam, yang jelas mengatasi sistem ekonomi konvensional. Kelebihan ini perlu didedahkan kepada masyarakat dunia agar mereka memahami dan berasa tertarik untuk menerima-pakai sistem ekonomi Islam, sebagai alternatif kepada sistem ekonomi konvensional.

Banyak perkara yang boleh kita kupas berkaitan dengan kelebihan melaksanakan sistem ekonomi Islam dan kelemahan pelaksanaan sistem ekonomi konvensional, yang berasaskan riba'. Sistem kewangan konvensional sebenarnya merupakan satu sistem yang berasaskan kapitalisme, bersifat eksploitatif, dan tidak adil. Sistem

ini turut memisahkan hal-hal agama dengan urusan-urusan kehidupan yang lain. Sistem kewangan konvensional menekankan kebebasan mutlak seseorang individu. Dalam sistem ini, setiap orang ialah tuan punya hartanya, berhak sepenuhnya atas hasil daripada harta tersebut, dan berhak pula membuat sesuka hatinya atas harta dan hasil yang diperolehi.

Prinsip ini berkisar atas dasar keuntungan peribadi sebagai syarat. Maka tidak hairanlah jika sistem kewangan konvensional mengenakan kadar bunga dalam urus-niaga mereka, kerana ia merupakan tiang seri kepada sistem tersebut, yang bermatlamatkan keuntungan peribadi. Tanpa kadar bunga, sistem bank kapitalis ini akan mati dan keseluruhan ekonomi akan lumpuh.

Berbeza dengan ekonomi konvensional, sistem kewangan Islam pula wujud berasaskan prinsip-prinsip dan falsafah Islam, kerana sistem kewangan Islam juga adalah sebahagian daripada Islam. Dalam sistem ini, manusia dianggap sebagai wakil (*khalifah*) Allah di muka bumi, dan segala harta yang dimiliki oleh manusia hanya merupakan amanah semata-mata, dan bukan milik manusia yang mutlak (*cf* Groeneveldt, 1960; dan Majul, 1978 dan 1989). Keputusan-keputusan kewangan yang dibuat oleh seseorang individu atau syarikat dalam sistem kewangan Islam, bukan untuk kepentingan diri sendiri semata-mata, tetapi mestilah berlandaskan panduan yang telah ditentukan oleh agama Islam (Mujtaba & Lari, 1977).

Islam sememangnya tidak melarang penganutnya mencari keuntungan, asalkan tidak mengetepikan kepentingan dan masalah masyarakat dan negara. Islam juga telah memberikan penekanan kepada dua perkara. *Pertama*, penggunaan secara optimum sumber yang dikurniakan Allah kepada manusia dan juga persekitaran fizikalnya. *Kedua*, penggunaan serta pengagihan sumber secara adil dan menggalakan hubungan manusia atas dasar hak dan keadilan.

Jika kita melihat kepada konteks perbankan dan kewangan di Malaysia pada masa kini, bolehlah kita katakan bahawa kebanyakan bank di negara kita secara keseluruhannya masih mengamalkan sistem kewangan konvensional, yang pastinya amat bertentangan dengan sistem ekonomi yang disarankan dalam Islam. Oleh itu, keadaan ini perlu diubah dengan memperkenalkan sistem perbankan Islam kepada lebih banyak bank yang ada di negara ini. Hal ini sekaligus memperkasakan ekonomi Islam dan ummah.

Seterusnya, terdapat juga perbandingan yang jelas di antara sistem ekonomi Islam dan sistem ekonomi konvensional, ialah dari sudut kemudahan pinjaman yang ditawarkan oleh kedua-dua sistem ekonomi berkenaan. Meskipun pada dasarnya kedua-dua sistem ekonomi ini menawarkan kemudahan pinjaman, namun cara pelaksanaannya adalah berbeza. Perbankan Islam memberi pinjaman kepada pengusaha dengan kadar faedah percuma. Kaedah ini akan memberi lebih banyak peluang kepada rakyat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan, sektor pengeluaran, dan penyelidikan peningkatan mutu barangan.

Pembiayaan ini disebut sebagai *Al-Qardhul-Hasan* atau *benevolent loan*, iaitu pinjaman wang tanpa gandaan dan hanya dikembalikan dalam jumlah yang sama pada tempoh matang. Sistem pembiayaan yang berlunaskan hukum Islam dan tidak membebankan rakyat ini, secara tidak langsung, akan dapat membantu pengusaha memajukan ekonomi negara (Mansur, Aziz & Ramli, 2005).

Sebaliknya, dalam konteks ekonomi konvensional, masyarakat yang kurang berkemampuan tidak berpeluang untuk menerokai bidang perniagaan, disebabkan kebimbangan mereka terhadap kadar bunga yang akan dikenakan oleh pihak bank. Ketidakkampuan mereka untuk membayar balik pinjaman, lantaran kadar bunga yang tinggi ini, pastinya akan menambahkan kesusahan dan kesempitan hidup mereka.

Pengenaan kadar bunga ini telah menjadi penghalang kepada sesetengah masyarakat untuk mengubah taraf hidup mereka; dan ini secara tidak langsung akan membesarkan lagi jurang di antara golongan yang berpendapatan tinggi dengan golongan yang berpendapatan rendah. Dalam situasi ini, orang yang kaya akan bertambah kaya; sebaliknya, orang yang miskin akan bertambah miskin.

Konsep pembahagian untung dan rugi juga mampu memberi perbezaan yang ketara di antara kedua-dua sistem ekonomi ini, dimana ia secara tidak langsung menggambarkan kelemahan sistem ekonomi konvensional yang diamalkan pada masa kini. Dalam sistem ekonomi konvensional, pembahagian untung dan rugi adalah bersifat kapitalis, dimana ianya hanya ditanggung oleh sebelah pihak sahaja. Biasanya, pelaburan yang berisiko tinggi akan menjanjikan pulangan yang berlipat ganda, tetapi jika berlaku kerugian yang teruk, ia kadang-kala boleh mengakibatkan sesebuah firma diisytiharkan sebagai muflis. Inilah yang terjadi kepada pengusaha-pengusaha tempatan semasa berlakunya krisis kejatuhan ekonomi pada tahun 1997, yang melanda negara-negara Asia.

Pengalaman krisis ekonomi yang melanda negara-negara Asia, pada tahun 1997/1998, haruslah dijadikan sebagai iktibar. Dalam keadaan ekonomi yang meleset pada ketika itu, pengusaha-pengusaha yang mempunyai hutang di bank konvensional perlu memikul sendiri risiko muflis, walaupun kejatuhan itu bukan disebabkan oleh kesalahan atau ketidakmampuan pengusaha tersebut.

Perkara sebegini pastinya tidak akan berlaku, sekiranya pengusaha-pengusaha ini meminjam dana dari bank Islam. Matlamat utama sistem perbankan Islam tanpa bunga adalah untuk memberi penekanan kepada konsep keadilan, iaitu perkongsian untung (*profit sharing*) dan perkongsian risiko (*risk sharing*) dalam perniagaan. Kedua-dua prinsip ini mampu berperanan

untuk meningkatkan keserataan dalam pelaburan serta meningkatkan ketahanan sesebuah ekonomi, berbanding dengan sistem perbankan konvensional yang tidak berlandaskan kepada prinsip tersebut.

Prinsip pembahagian untung dan pembahagian risiko diantara pemilik dana dengan pengguna dana menyatakan bahawa jika berlaku kerugian yang berpunca daripada krisis ekonomi, maka risiko kerugian tersebut secara automatik akan ditanggung bersama di antara pemilik dan pengguna dana. Secara relatifnya, kerugian yang ditanggung oleh orang-perseorangan dan badan usaha secara individu akan menjadi lebih ringan. Maka, ekonomi negara akan menjadi pulih dengan lebih cepat. Ini jelas membuktikan bahawa sistem urusan bank tanpa bunga yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam mempunyai kesitimewaan yang tidak dimiliki oleh sistem-sistem perbankan yang ada pada hari ini.

Prinsip yang menerangkan dengan jelas tentang konsep pembahagian untung dan rugi di atas adalah prinsip *Al-Mudharabah*, yang hanya ditawarkan didalam sistem perbankan Islam. *Al-Mudharabah* adalah perjanjian diantara pemberi pinjaman (*bank*) dengan pengusaha (*mudharib*) untuk membolehkan pengusaha menjalankan projek perniagaannya. Dalam prinsip ini, pemberi pinjam akan bersetuju untuk membiayai projek perusahaan berdasarkan perkongsian keuntungan.

Kedua-dua belah pihak bebas menentukan nisbah pembahagian untung dan rugi, selaras dengan modal yang dilaburkan. Keuntungan yang diperolehi akan dibahagikan mengikut kadar yang dipersetujui. Sebaliknya, jika berlaku kerugian dalam perusahaan, kerugian tersebut akan ditanggung oleh pihak bank, kecuali kerugian yang diakibatkan oleh kecuaiian, penyelewengan, dan penyalahgunaan oleh pengusaha.

Prinsip ini dianggap sebagai satu cara ekonomi Islam yang mampu menggalakan usaha-usaha kerjasama. Sesungguhnya,

dalam konteks globalisasi hari ini, tentunya sistem perbankan Islam akan memperkukuhkan lagi semangat kerjasama ekonomi antara negara-negara.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan merupakan salah satu daripada strategi yang berbentuk mikro. Strategi pemeraksanaan modal insan di kalangan umat Islam merupakan penggerak potensi dan memperkasa ekonomi ummah. Ianya dilihat sebagai pendekatan mampan ke arah pembangunan ummah yang gemilang. Pembangunan modal insan di kalangan ummah seharusnya menjadi agenda utama dalam mendepani cabaran baru ekonomi dunia. Berikut ialah elemen-elemen penting dalam meningkatkan pembangunan modal insan:

***Penekanan terhadap Pendidikan: Penglibatan dan Kualiti.*** Salah satu elemen utama bagi meningkatkan pembangunan modal insan di kalangan ummah ialah melalui pendidikan. Umat Islam perlu mewujudkan kesungguhan dalam diri mereka untuk terus mencari dan menambah ilmu. Kepentingan ilmu pendidikan dijelaskan didalam *Al-Qur'an*, surah *Az-Zumar*, ayat 9, yang bermaksud:

*Katakanlah: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya, orang yang berkallah yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat (dalam Pustaka Antara, 1979; dan Yunus, 1979).*

Malah, kepentingan pendidikan turut dijelaskan dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Alaq*, ayat 1-5, dimana ayat pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) melalui Firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), yang bermaksud:

*Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang mencipta. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang Paling Pemurah. Yang*

*mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya* (dalam Pustaka Antara, 1979; dan Yunus, 1979).

Dalam usaha meningkatkan tahap pendidikan ummah, terdapat dua bentuk cabaran utama, iaitu mengenai enrolmen pelajar (penglibatan) dan kualiti dalam pendidikan. Enrolmen di kalangan pelajar Islam di peringkat rendah atau menengah, sehingga di peringkat pengajian tinggi perlu ditingkatkan untuk mengurangkan kadar buta huruf di kalangan umat Islam. Berdasarkan situasi semasa penglibatan Umat Islam, sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti, masih di tahap yang membimbangkan.

Dari segi pencapaian kecemerlangan dalam bidang pendidikan di kalangan umat Islam masih berada dalam paras yang rendah. Ini disebabkan beberapa faktor, seperti masalah kemiskinan, tahap kesedaran yang rendah di kalangan keluarga, serta pengaruh arus modernisasi yang mencabar. Dalam konteks Malaysia, negara ini mencatatkan kadar buta huruf antara yang terendah di kalangan negara-negara Islam, manakala di kebanyakan negara-negara Islam lainnya, di serata dunia, kadar buta huruf masih berada pada tahap yang membimbangkan.

Manakala dari aspek kualiti pendidikan pula, kita melihat bahawa masih banyak ruang yang boleh diperbaiki dan dipertingkatkan dalam aspek kualiti pendidikan. Oleh itu, beberapa langkah penting perlu diambil bagi memenuhi ruang tersebut dan sekaligus mencapai matlamat kualiti pendidikan yang tinggi di negara kita (Mansur *et al.*, 2007).

Langkah-langkah tersebut ialah dengan mengkaji semula sistem pendidikan negara, memperkasa graduan universiti, dan meningkatkan dana bantuan kewangan. Mengkaji semula sistem pendidikan negara bermaksud menilai kekuatan dan kelemahan sistem pendidikan yang sedia ada di negara kita, termasuk di negara-negara Islam yang lain. Ini adalah dengan memperkasakan

sistem tersebut melalui penerapan konsep-konsep Islam yang luhur, seperti aspek keadilan, iman, dan takwa.

Ini kerana, pada masa kini, juga terbukti bahawa konsep-konsep Islam seperti *muamalat* mampu membangunkan pelbagai aspek kehidupan manusia dari segi ekonomi, politik, dan sosial. *Muamalat* merujuk kepada tata-cara atau peraturan dalam perhubungan manusia, yang meliputi semua aspek bagi memenuhi keperluan masing-masing berlandaskan kepada syariat Islam. Contoh yang dapat dilihat kini ialah penggunaan konsep *Muamalat* Islam dalam sistem perbankan Islam, yang jelas memberi banyak manfaat kepada semua umat manusia dan mendapat sambutan dari semua lapisan masyarakat.

Justeru itu, tidak salah jika kita mengaplikasikan sistem Islam ini kedalam sistem pendidikan di negara kita, demi kebaikan sejagat dan sekaligus meningkatkan kualiti pendidikan tersebut. Sebagai tambahan, kajian semula yang lebih spesifik juga terhadap ko-kurikulum di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, dan institusi pengajian tinggi juga perlu dikaji semula. Ini kerana kita sedia maklum bahawa subjek Pendidikan Islam hanya diwajibkan di kalangan pelajar tahap sekolah rendah, PMR (Penilaian Menengah Rendah), dan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

Tetapi setelah mereka memasuki tahap STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia), Diploma dan Ijazah, kita dapati subjek Pendidikan Islam tidak lagi diwajibkan. Setiap pelajar mengikuti haluan sendiri, samada hendak memilih bidang agama atau keduniaan. Persoalannya adakah ilmu agama yang diperolehi oleh para pelajar sehingga tingkatan 5 itu suda cukup? Tidak, kerana menuntut ilmu tiada penghujungnya. Ini dapat difahamkan melalui *Hadist* Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) bahawa "tuntutlah ilmu sampai ke liang lahat" (dalam Bahagian Dakwah, 2001).

Soalnya, kita tidak seperti yang dikehendaki oleh *Hadist* tersebut, kita cuma



berhenti di pertengahan dengan hanya membiarkan Pendidikan Islam berkubur sehingga tingkatan 5. Adakah kita merasakan bahawa cara ini amat berkesan? Seheinggakan kita simpulkan bahawa di tahap tersebut, anak-anak muda itu begitu berpegang teguh dengan norma-norma Islam? Tidak, buktinya kini amat jelas. Ini cukup jelas menunjukkan bahawa terdapatnya kelemahan dalam sistem ko-kurikulum atau pendidikan kita.

Sebab itu, tidak hairanlah mengapa Islam gagal dinobatkan sebagai penggerak pembangunan di kalangan ummah di negara Malaysia. Ini kerana pengaruh agama Islam yang menjadi sumber kekuatan umat Islam semakin luntur dan pudar, selepas anak muda kita melepasi tahap pendidikan SPM. Oleh itu pula, amatlah perlu sistem ko-kurikulum tersebut dikaji semula dan subjek Pendidikan Islam perlu diwujudkan di semua institusi pengajian tinggi. Malah tidak rugi jika subjek agama ini diwajibkan kepada pelajar-pelajar Muslim, kerana ia akan memberikan kebaikan kepada mereka, bukan sahaja di dunia malahan di akhirat kelak.

Seterusnya, dalam hala-tuju meningkatkan kualiti pendidikan, hasil keluaran pendidikan tersebut juga haruslah berkualiti. Ini adalah dengan memperkasa graduan lepasan universiti di kalangan ummah dari aspek kemahiran tambahan khas (*soft skill*), agar mereka boleh bersaing di peringkat antarabangsa. *Soft skill* melibatkan aspek keterampilan pelajar, kemahiran berunding, penyelesaian masalah, dan pengaplikasian pengalaman dalam menghadapi sesuatu situasi.

Penekanan kepada kemahiran ini penting, kerana kebanyakan graduan yang dihasilkan di kalangan ummah adalah sangat lemah dari aspek *soft skill*. Kelemahan dalam kemahiran tambahan ini menyekat kemajuan mereka dalam pembangunan modal insan. Ini kerana mereka sukar untuk merebut dan mencipta peluang untuk membangunkan diri, disebabkan kemahiran tambahan yang rendah dan cenderung untuk berada di tahap

pembangunan yang malap dan statik.

Akhir sekali, dana untuk menyokong perkembangan pembangunan modal insan juga perlu dipertingkatkan. Kita perlu menggalakan sumbangan dana dari masyarakat awam dan juga sumbangan daripada *philanthropist* di kalangan umat Islam, demi menjamin perkembangan pendidikan dan penyelidikan yang kukuh di kalangan ummah.

Ringkasnya, penekanan terhadap pendidikan dari aspek penglibatan dan kualiti merupakan teras penting pembangunan modal insan. Oleh itu, kita haruslah memberikan tumpuan yang jitu dalam memartabatkan pendidikan di kalangan ummah, sebagai tunggak penggerak pembangunan yang berterusan. Dari segi kurikulum pendidikan perlulah bersifat holistik dan komprehensif, dengan menanamkan elemen-elemen keimanan dan ketakwaan dalam silabus yang sesuai dengan keperluan semasa.

***Berdikari Bukan Subsidi.*** Berdikari (berdiri di atas kaki sendiri) merujuk kepada sifat atau keinginan untuk berusaha dengan sendiri dalam mencapai cita-cita atau matlamat, tanpa mengharapkan bantuan daripada mana-mana pihak. Elemen berdikari ini juga amat penting dalam pembangunan modal insan di kalangan ummah.

Ini kerana, senario kini memperlihatkan bahawa umat Islam terlalu bergantung kepada elemen-elemen subsidi atau bantuan kerajaan dalam meningkatkan tahap pembangunan modal insan mereka. Mereka terlalu mengharapkan subsidi, seperti batuan peralatan, kewangan, dan kemudahan prasarana yang serba lengkap. Apabila keadaan ini berlaku, ia jelas akan merugikan umat Islam itu sendiri. Ini disebabkan, kita sedia maklum bahawa bantuan subsidi mempunyai beberapa kelemahan.

Bantuan ini adakalanya tidak mencukupi, memerlukan masa untuk diperolehi, dan tidak semua individu memperolehinya. Tambahan pula, sikap terlalu bergantung kepada

bantuan ini menjadikan individu malas untuk berusaha. Individu akan menjadi kurang bermotivasi dan mempunyai kesedaran yang rendah dalam meningkatkan tahap modal insan mereka. Ini kerana mereka tidak menampung kos jika sekalipun mereka rugi, kerana kos tersebut ditampung oleh kerajaan.

“Sikap bebas dari risiko” ini menyebabkan mereka hanya ala kadar dan tidak bersungguh dalam meningkatkan pembangunan modal insan diri sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa terlalu bergantung kepada subsidi merupakan satu melapetaka yang bakal mengkancahkan ummah ini kedalam pembangunan modal insan yang lemah.

Oleh itu, umat Islam tidak seharusnya bergantung kepada subsidi dan harus memupuk sikap berdikari dalam diri mereka. Mereka perlu berusaha sendiri untuk mewujudkan elemen-elemen bantuan tersebut, daripada mengharap ianya datang dari pihak lain. Sikap berusaha sendiri merupakan satu bentuk pengorbanan masa, tenaga, harta, serta jiwa-raga. Dengan pengorbanan tersebut, barulah umat ini akan mengetahui harga sebuah usaha. Bila mereka tahu menghargai, maka barulah mereka akan bersungguh-sungguh dalam meningkatkan pembangunan modal insan mereka dan mengelakan sebarang kemerosotan dalam hal tersebut.

Ini jelas memperlihatkan bahawa berdikari atau berdiri di atas kaki sendiri, atau berusaha sendiri, adalah lebih baik berbanding terlalu mengharap kepada bantuan pihak lain. Ini bersesuaian dengan *Hadist* Rasulullah SAW (*Salallahu ‘Alaihi Wassalam*), sepertimana Riwayat Ahmad, bahawa:

*Tangan yang di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah. Atau dalam erti kata lain, tangan yang memberi adalah lebih baik daripada tangan yang menerima* (dalam Bahagian Dakwah, 2001).

Dalam konteks ini, umat Islam mestilah mempunyai jatidiri dan mampu berdikari. Bantuan subsidi kerajaan yang disalurkan

kepada umat Islam, yang memerlukan, haruslah disertai dengan pekej pemerikasaan kapisiti dalam bentuk latihan dan khidmat nasihat yang berterusan dan berjadual.

***Kemahiran Pengurusan.*** Salah satu elemen penting dalam pembangunan modal insan ialah kemahiran pengurusan. Kemahiran pengurusan merupakan suatu keperluan ke arah pembangunan ummah yang gemilang. Senario yang berlaku menyebabkan usahawan Islam dan ekonomi umat Islam gagal bersaing dengan usahawan bukan Islam, disebabkan oleh beberapa faktor. Antara banyak faktor yang menyumbang kepada kegagalan usahawan Islam ialah seperti: gagal membayar pinjaman bank yang menyebabkan tunggakan hutang bank semakin meningkat; gagal membayar pinjaman pendidikan, seperti pinjaman MARA (Majelis Amanah Rakyat), PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional), dan lain-lain; penggunaan kad kredit yang tanpa kawalan; melakukan perbelanjaan peribadi yang tidak dirancang; serta tidak kurang juga usahawan Islam lebih mengutamakan penampilan diri daripada memperkasa diri.

Sehubungan dengan ini, umat Islam memerlukan lonjakan paradigma dan *mind set* yang baru ke arah pembangunan ummah yang gemilang. Kemahiran pengurusan dilihat sebagai penggerak kepada potensi yang ada serta mempercepatkan proses memperkasa ekonomi ummah.

***Meningkatkan Penglibatan Wanita dalam Proses Pembangunan Modal Insan.*** Bagi menyokong pembangunan modal insan, yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan ummah, penglibatan wanita dalam aspek ini perlu ditingkatkan. Ini disebabkan, penglibatan golongan wanita Islam dalam pembangunan modal insan masih berada di tahap yang rendah. Berdasarkan kepada laporan *Human Development Report*, pada tahun 2005, enrolmen pelajar wanita di sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di

kebanyakan negara-negara pertubuhan OIC (*Organization of Islamic Conference*) adalah masih rendah (Mansur, 2006).

Enrolment pelajar wanita yang rendah ini adalah amat merugikan negara-negara Islam itu sendiri. Ini kerana, golongan wanita turut memainkan peranan penting dan boleh menyumbang dalam pembangunan ummah, jika diberikan tahap pendidikan yang tinggi. Ini telah dibuktikan di negara-negara maju, dimana wanita mampu membantu dan memainkan peranan dalam menggerakkan pentadbiran negara tersebut. Wanita yang berpendidikan juga secara langsung akan menyumbang kepada ekonomi sesebuah negara dengan membekalkan pekerja mahir kepada negara tersebut. Oleh itu, enrolmen wanita dalam aspek ini perlu ditingkatkan.

Dalam kes ini, Malaysia boleh dijadikan model atau contoh untuk meningkatkan peranan wanita dalam proses pembangunan modal insan dan ummah. Ini adalah berlandaskan kepada tahap penyertaan wanita dalam pendidikan di negara Malaysia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara Islam yang lain. Sistem pendidikan di Malaysia yang bersifat terbuka kepada golongan lelaki dan wanita haruslah diamalkan dan dijadikan ikutan kepada negara-negara Islam yang lain.

***Mengubah Sikap dan Memupuk Mentaliti Kelas Pertama.*** Realitinya, umat Islam kini sudah kebiasaan dengan beberapa sindrom, seperti: “tidak apa”; “sekali-sekala tak apa”; “bukan selalu”; “*jump q*”; “jam Melayu”; dan beberapa konotasi negatif yang dikaitkan dengan masyarakat Islam. Sehubungan dengan ini, umat Islam perlu mengambil pendekatan ke arah perubahan sikap dan memupuk mentaliti kelas pertama. Strategi pembangunan ummah yang cemerlang ialah meletakkan dan mengamalkan sikap positif sebagai hala-tuju masa depan ummah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama (*cf* Syalabi, 1989; dan Mansur, 2006).

Sebagai masyarakat yang prihatin

kepada pembangunan dan kesejahteraan negara, sikap negatif yang sering dikaitkan dengan umat Islam ini perlu dikikis untuk mengelakan daripada sikap itu sebatian dengan kehidupan, yang akhirnya menjadi satu budaya yang boleh membahayakan ummah.

## KESIMPULAN

Tidak dinafikan bahawa umat Islam mempunyai banyak potensi ke arah memperkasa ekonomi ummah. Umat Islam dan negara-negara Islam dianugerah oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dengan kekayaan sumber-sumber asli yang banyak. Dari segi bilangan penduduk, umat Islam yang mencecah 1.8 billion merupakan suatu sumber kekuatan kepada penggerak ekonomi ummah. Justeru itu, pembangunan modal insan dilihat sebagai strategi jangka panjang yang mapan, berdaya tahan, dan berdaya saing.

Islam itu sendiri merupakan cara hidup yang lengkap dan komprehensif. Manakala sistem ekonomi Islam merupakan suatu alternatif kepada umat Islam dan negara-negara Islam sebagai asas dan dasar yang perlu dilaksanakan. Dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu ini, tentunya, Islam sebagai agama yang *syumul* menawarkan banyak pendekatan penyesuaian. Pemantapan jaringan tempatan serta penerokaan dalam pasaran global merupakan agenda yang diberi keutamaan.

Sistem ekonomi yang berasaskan kitab Allah ini, *Al-Qur'an*, pastinya menawarkan alternatif dan menjanjikan pulangan yang memberangsangkan ke arah kesejahteraan ummah. Sistem ekonomi Islam seharusnya diperluaskan pelaksanaannya, bukan sekadar untuk menjadi pelengkap kepada sistem ekonomi konvensional, tetapi sebagai pengganti kepada sistem ekonomi tersebut. Realiti ekonomi global yang wujud cukup untuk menjelaskan beberapa kelemahan yang terdapat dalam sistem ekonomi tersebut. Sistem ekonomi Islam dilihat sebagai sistem ekonomi alternatif ke arah pemantapan serta ekonomi yang berdaya tahan.

Kadaan ini pastinya berbeza sekiranya dunia globalisasi pada hari ini didominasi oleh sistem ekonomi Islam. Sistem ekonomi Islam lebih cenderung kepada keadilan dan kesaksamaan. Sistem ekonomi tanpa riba' ini akan menjadi medium yang terbaik dalam usaha untuk membantu mempercepat pertumbuhan ekonomi negara-negara miskin dan negara sedang membangun. Pilihan ekonomi dunia, khususnya ekonomi bagi negara-negara Islam, akan menjadi lebih progresif jika pendekatan kaedah ekonomi Islam dilaksanakan.<sup>1</sup>

## Referensi

- Al-Atas, Syed M. Naquib. (1963). *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised among the Malays*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute, Ltd.
- Al-Atas, Syed M. Naquib. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: UM [University of Malaya] Press.
- Bahagian Dakwah. (2001). *Majlis Agama dan Hal-Ehwal Islam Sabah*. Kota Kinabalu: Data Bahagian Dakwah.
- Bammate, Haidar. (1962). *Muslim Contribution to Civilization*. Maryland, USA [United States of America]: American Trust Publication.
- Davenport, Thomas H. & Laurence Prusak. (1998). *Working Knowledge: How Organization Manage What They Know*. Boston: Harvard Business School Press.
- Groeneveldt, W.P. (1960). "Historical Notes on Indonesian and Malaya" dalam *Chinese Sources*. Djakarta: Penerbit Bhratara.
- Hitti, Philip K. (1950). *Precis d'Histoire des Arabes: Short History of the Arabs*. Paris: Payot.
- Majul, Cesar Adib. (1978). *Muslim in the Philippines*. Manila: Saint Mary's Publishing.
- Majul, Cesar Adib. (1989). "Islam Advent and Spread in the Philippines". *Kertas Kerja* dibentangkan dalam International Seminar on Islamic Civilization in the Malay World, di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 5 Jun.
- Malhotra, Arvind et al. (2001). "Radical Innovation without Collocation: A Case Study at Boeing" dalam *MIS Quarterly*, Vol.25, No.2, ms.229-249.
- Mansur, Kasim. (2003). "K-Dakwah dan Peranannya dalam Proses Islamisasi di Sabah: Harapan dan Cabaran" dalam Asmady Idris, Dzurizah Ibrahim & Rahminah Muharam [eds]. *Isu-isu Sains Sosial dari Perspektif Islam*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS [Universiti Malaysia Sabah], ms.177-192.
- Mansur, Kasim. (2006). "Membentuk Minda Kelas Pertama Ummah? Metodologi dan Alat bagi Mencapainya" dalam *Buletin USIA: Keluaran Khas Perhimpunan Agung Tahunan USIA kali ke-20*. Kota Kinabalu: Penerbit USIA, November.
- Mansur, Kasim et al. (2007). "Determinants of Japanese Direct Investment in Selected BIMP-EAGA Countries" dalam *Sunway Academic Journal*, 4, ms.75-84.
- Mansur, Kasim Nurul Nadia Abd Aziz & Hafizal Ramli. (2005). "Ekonomi Islam Membina Kesejahteraan, Ekonomi Berteraskan Riba' Menuju Kehancuran" dalam *Dewan Siswa*, No.10 [Oktober], ms.8-10.
- Meglio, Rita Rose Di. (1970). "Arab Trade with Indonesia and the Malay Peninsula from the 8<sup>th</sup> to 16<sup>th</sup> Century" dalam D.S. Richard [ed]. *Islamic History, II: Islam and the Trade of Asia*. Oxford: University of Pennsylvania Press, ms.105-35.
- Mujtaba, Sayid & Rukni Musawi Lari. (1977). *Western Civilization through Muslim Eyes*. Houston TX, USA [United States of America]: Free Islamic Literatures, Inc.
- Pustaka Antara. (1979). *Al-Quran Karim dan Terjemahannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Qutub, Sayyed. (2006). *Milestones*. Birmingham: Maktabah Booksellers and Publishers.
- Sveiby, Karl-Erick. (1999). "Intellectual Capital and Knowledge Management". Wujud secara online pula di: <http://www.sveiby.com.au/Intellectual> [dilayari di Kota Kinabalu, Malaysia: 19hb Januari 2016].
- Syalabi, Rauf. (1989). "Peranan Al-Azhar dalam Perkembangan Tamaddun Bangsa Melayu". *Kertas Kerja* yang dibentangkan dalam International Seminar on Islamic Civilization in the Malay World, di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 5 Jun.
- Yunus, Mahmud. (1979). *Tafsir Quran Karim dengan Terjemahan*. Singapore: Percetakan Pakar.

<sup>1</sup>**Kenyataan:** Dengan ini, saya membuat kenyataan bahawa kertas ini adalah merupakan dapatan pemikiran dan penyelidikan saya persendirian. Ianya bukan dapatan daripada amalan plagiarism, sebab sumber-sumber yang saya petik jelas wujud dalam senarai Rujukan. Kertas ini juga belum dinilai dan belum diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik, samada di Malaysia mahupun di luar negara.